

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kementerian untuk menaikkan taraf ekonomi dan pendapatan petani dan nelayan di kawasan Parlimen Igan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Jabatan Pertanian Sarawak telah melaksanakan pelbagai program pembangunan pertanian di kawasan Parlimen Igan. Bagi tempoh 2016 hingga 2020, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.648 juta untuk tujuan pembangunan pertanian di kawasan tersebut. Ia melibatkan pembangunan kawasan seluas 156.2 hektar dengan penglibatan 180 orang petani. Skim bantuan di bawah program pertanian yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak di Parlimen Igan berjaya meningkatkan pendapatan kasar golongan sasar sehingga maksimum RM3,000 sebulan.
2. Selain daripada itu, Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) juga telah melaksanakan program pembangunan pertanian di kawasan Parlimen Igan dengan keluasan penanaman nanas adalah 98 hektar yang melibatkan jumlah pengusaha seramai 56 orang.
3. Kementerian juga melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memastikan taraf hidup dan ekonomi masyarakat nelayan terbela. Bagi tahun 2020, seramai 496 nelayan di kawasan Igan telah menerima bantuan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM857 ribu melalui bantuan seperti berikut:
  - i. **Elaun Sara Hidup Nelayan** iaitu bayaran tunai sebanyak RM250 sebulan. Bermula Januari 2021, kadar ESH akan dinaikkan kepada RM300/bulan;
  - ii. **Insentif Tangkapan Ikan** pada kadar 10sen per kilogram. Maksimum bayaran tunai yang diterima oleh pemilik vesel zon A adalah sebanyak RM150 sebulan;

- iii. **Bantuan Tanaman Kontan** – Bantuan peralatan dan input pertanian seperti peralatan, benih dan baja bernilai sehingga RM1,000 seorang, dan
  - iv. **Program Pembangunan Usahawan Bimbingan (PUB).** Sehingga kini terdapat 14 usahawan dari kawasan Igan yang telah mendaftar di bawah program ini. Usahawan yang layak boleh memohon geran pemadanan seperti berikut:
- | <b>Geran Pemadanan</b>  | <b>Kadar Pembiayaan Kerajaan: Usahawan</b> | <b>Had maksimum pembiayaan</b> |
|---|--|--------------------------------|
| Change Upgrade Product (CUP)  | 70 % : 30%                                 | RM60,000                       |
| High Impact Project (HIP)   | 50% : 50%                                  | RM200,000                      |
| Geran Agropreneur Muda (GAM)<br>Khas untuk usahawan berumur 18 hingga 40 tahun. | 100%                                       | RM20,000                       |
- v. Pembinaan Jeti Kampung Igan (2010) dan Jeti Kampung Skerang (2011) yang bernilai RM566 ribu sebagai kemudahan pendaratan ikan kepada nelayan;
4. Perancangan jangka panjang Kementerian untuk menaikan taraf ekonomi dan pendapatan petani serta nelayan yang telah dirancang adalah seperti berikut:
- i. Memberi keutamaan kepada pembangunan tanaman makanan yang berorientasikan eksport. Jenis tanaman yang dikenal pasti ialah durian, kelapa, pisang dan nanas bernilai tinggi jenis MD2;

- ii. Memperkenalkan dan mempromosikan penggunaan teknologi moden seperti fertigasi, hidroponik dan mengaplikasikan *internet of Things* (IoT) bagi petani untuk meningkatkan hasil dan kualiti pengeluaran pertanian;
  - iii. Membangunkan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) untuk hasil pertanian;
  - iv. Pembinaan baru Pejabat PNK di Matu/Daro dengan kos sebanyak RM800 ribu bagi meningkatkan urus tadbir institusi nelayan.
  - v. Memperkasa program pemasaran ikan dengan membeli ikan terus daripada nelayan dengan harga yang lebih berpatutan atau pun setanding berbanding peraih lain melalui Pusat Pengumpulan dan Pengedaran (CCDC) di PNK Matu/Daro; dan
  - vi. memperluaskan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) menerusi PERKESO bertujuan untuk melebarkan lagi jaringan keselamatan sosial (*social safety net*).
5. Kementerian akan meneruskan usaha merangka projek/program untuk dimanfaatkan bagi memastikan taraf ekonomi kumpulan sasar di bawah Kementerian dapat ditingkatkan.

Sekian, terima kasih.